

# Berita @ UTeM



www.utm.edu.my | edisi Ogos & September 2012



**TUN CANSELOR**

*Salur Bantuan Kepada*

**GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN**



## Mahasiswa Terima Manfaat **KAD DISKAUN SISWA**



**UTeM Holdings**

**Meterai Memorandum Persefahaman Ganding Bahu Jayakan**

**Program Latihan Eksekutif & Profesional**

ISSN 1985 - 4706



9771985470003

# NAIB CANSOLOR *Adakan* PERTEMUAN DENGAN STAF DI UNITED KINGDOM

**4 September** : Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan memulakan lawatan ke United Kingdom bagi mengadakan pertemuan dengan staf UTeM yang sedang melanjutkan pengajian di sana. Dalam lawatan tersebut, Dr. Ahmad Yusoff beramah mesra dan menyuntik semangat dan motivasi kepada staf yang sedang mengikuti pengajian di Glasgow, Manchester dan London.

Antara agenda yang dibentangkan dalam pertemuan yang diatitkan adalah berkaitan perkembangan semasa universiti, taklimat mengenai harapan dan aspirasi kerajaan serta maklumbalas daripada staf yang sedang melanjutkan pengajian.

Beliau turut mengadakan pertemuan dengan Tuan Yang Terutama Dato' Sri Zakaria Sulong, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom bersempena sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri pelajar Malaysia di London. Lawatan itu turut disertai oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Mohamad Kadim Suaidi dan Ketua Penolong Pendaftar Pejabat Naib Canselor, Marsita Mohd Taib.



## Mahasiswa Terima Manfaat KAD DISKAUN SISWA 1

Mahasiswa UTeM hari ini melahirkan rasa terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan di atas pemberian Kad Diskaun Siswa



1Malaysia (KDS1M) yang memiliki pelbagai keistimewaan dan dapat mengurangkan kos sara hidup. Bertempat di Masjid Sayyidina Abu Bakar Kampus Induk, berlangsung majlis penyerahan KDS1M kepada wakil mahasiswa yang disempurnakan oleh YB Datuk Seri Shaziman Abu Mansor, Menteri Kerja Raya selaku Menteri Mentor UTeM. Dalam ucapannya, beliau menjelaskan bahawa kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan mahasiswa dan sangat komited dalam menyediakan kemudahan terbaik buat golongan tersebut.

Kerajaan menyedari kesusahan dan keperitan yang dihadapi oleh mahasiswa khususnya untuk membiayai keperluan pengajian termasuk keperluan akademik seperti buku rujukan akademik, alat tulis dan perbelanjaan harian. "Diharapkan dengan pemberian kad ini, dapat meringankan bebanan kos sara hidup dan mahasiswa dapat menjalani pembelajaran di kampus dengan lebih sempurna dan teratur," kata beliau. Jelasnya lagi, kad diskaun yang diberi seharusnya digunakan dengan berhemah dan bertanggungjawab kerana keistimewaan yang diberikan amat bernilai kepada mahasiswa.



Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya menyeru mahasiswa agar bijak berbelanja dan menggunakan KDS1M dengan sebaiknya. "Saya berharap agar inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan ini dapat dimanfaatkan sebaiknya yang secara tidak langsung menyumbang kepada kesejahteraan hidup serta dapat meningkatkan prestasi pembelajaran".

"Pelajar harus bijak berbelanja, sentiasa fokus terhadap pelajaran dan menentukan keutamaan mereka demi mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran alam pekerjaan dan dunia luar yang jauh lebih mencabar," kata Dr. Ahmad Yusoff. KDS1M mula diedarkan kepada mahasiswa secara berperingkat dan bakal memberi keistimewaan kepada hampir 9 ribu pelajar UTeM termasuk 2,300 pelajar yang baru sahaja melapor diri pada awal bulan September. Kad diskaun tersebut menawarkan penjimatan hingga 60 peratus di rangkaian perniagaan terpilih di seluruh negara antaranya kedai buku, restoran makanan segera, pengangkutan, produk IT dan lain-lain keperluan mahasiswa.

# TUN CANSELOR

*Salur Bantuan Kepada*

## GOLONGAN KURANG BERKEMAMPUAN

**8 Ogos** : UTeM menganjurkan Majlis Iftar bersama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Mohd Khalil Yaakob di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal hari ini. Tun Mohd Khalil yang juga Canselor UTeM berkenan meluangkan masa bersama warga universiti dan golongan kurang berkemampuan serta anak-anak yatim sebelum majlis itu bermula.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui berkata, penganjuran program itu adalah untuk merapatkan hubungan ukhwa sesama muslim serta meningkatkan penghayatan tentang hikmah dan kebesaran bulan Ramadhan kepada seluruh warga universiti.

"Majlis seperti ini berperanan sebagai medium ataupun saluran kepada universiti untuk menyalurkan bantuan dan sokongan kepada golongan yang memerlukan di bulan yang penuh keberkatan ini," jelas beliau.

Pada majlis tersebut, Tun Mohd Khalil telah menyerahkan sumbangan kepada mahasiswa UTeM yang tergolong dalam keluarga kurang berkemampuan, orang kelainan upaya (OKU) serta muallaf.

Manakala sebahagian lagi sumbangan diserahkan kepada anak-anak yatim dalam kalangan staf, rumah anak-anak yatim Madrasah An-Nuriyah Sungai Udang serta Pertubuhan Anak Yatim Jalinan Kasih Krubong.

Turut hadir ke majlis ini ialah Pro Canselor Tan Sri Datuk Dr. Johari Mat, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin, pegawai-pegawai kanan UTeM serta pemimpin persatuan universiti.





**3 Ogos** : UTeM menyahut seruan kerajaan dalam memeriahkan sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini dengan mengibarkan Jalur Gemilang di seluruh kampus.

Lantaran itu, Kempen Kibarkan Jalur Gemilang peringkat universiti telah dilancarkan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di Dataran Canselori Kampus Induk Durian Tunggal hari ini.

Pada majlis tersebut Ahmad Yusoff telah melekatkan Jalur Gemilang di kenderaan rasmi universiti sebagai simbolik kepada pelancaran kempen.

Ketika ditemui beliau berkata, hari kemerdekaan negara wajar diraikan dengan penuh semangat patriotisme dan semua pihak memainkan peranan yang penting ke arah matlamat itu.

"Sebagai rakyat Malaysia kita seharusnya rasa bangga serta bersyukur terhadap keharmonian negara dan mengibarkan Jalur Gemilang adalah salah satu cara menunjukkan rasa cinta kepada tanahair," kata Ahmad Yusoff.

Beliau juga menyeru warga UTeM agar meningkatkan lagi semangat kenegaraan dan memupuk perasaan cintakan negara di samping menghayati pengorbanan pejuang terdahulu yang telah berkorban demi kesenangan generasi hari ini.

Jelasnya lagi, sebagai universiti teknikal pertama di negara ini, sememangnya UTeM melaksanakan pelbagai inisiatif selari dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan tenaga profesional yang bakal menyumbang kepada pembangunan negara.

"Justeru, rasa sayang kepada negara harus diterjemahkan dengan penganjuran acara bersifat patriotisme supaya komuniti di dalam universiti dapat bersama merasai semangat merdeka dengan sewajarnya", ujar beliau lagi.

Kira-kira 200 orang staf UTeM termasuk pegawai-pegawai kanan dari pelbagai jabatan hadir menyaksikan majlis yang bersejarah itu. Mereka turut menerima Jalur Gemilang untuk dipasang di kenderaan masing-masing. Dalam pada itu, UTeM telah pun mula menghiasi jalan-jalan utama dan bangunan di Kampus Induk dengan Jalur Gemilang serta mengagih-agihkan 2,000 bendera kepada semua staf bagi menjayakan kempen tersebut.

## Semarakkan Semangat Cintakan Negara Dengan Kempen **Kibar Jalur Gemilang**





**29 Ogos** : Hubungan erat di antara UTeM dan Kumoh National Institute of Technology (KIT) Korea Selatan terus diperkukuhkan melalui beberapa program berbentuk perkongsian kepakaran dan kerjasama strategik.

Bertempat di sebuah hotel di Bandaraya Melaka delegasi KIT yang diketuai oleh Presidennya, Hyung Sik Woo yang dalam rangka lawatan ke UTeM telah diraikan oleh Naib Canselor dan barisan pengurusan tertinggi dalam satu majlis makan malam yang diadakan.

Kunjungan delegasi KIT ke UTeM adalah sebagai lawatan balas di samping mengambil kesempatan untuk melihat dengan lebih jelas operasi serta kemudahan fakulti secara keseluruhan.

Dalam pada itu, satu mesyuarat bersama pengurusan tertinggi UTeM serta dekan-dekan turut diadakan bagi memperkemas lagi kerjasama dua hala melibatkan pertukaran pelajar, staf serta perkongsian penyelidikan bersama KIT.

Secara keseluruhan Hyung melahirkan rasa bangga di atas kerjasama erat yang terjalin di antara kedua-dua universiti dan berharap lebih banyak lagi aktiviti berbentuk perkongsian dapat dijalankan pada masa akan datang.

## **UTeM DAN KIT** Terus Mengeratkan **JALINAN STRATEGIK** Menerusi **PERKONGSIAN KEPAKARAN**



## UTeM Holdings Meterai Memorandum Persefahaman Ganding Bahu Jayakan Program Latihan Eksekutif & Profesional

**9 Ogos** : UTeM Holdings sebuah anak syarikat milik penuh UTeM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dua buah organisasi penyedia latihan profesional hari ini.

Dalam majlis tersebut UTeM Holdings memeterai MoU dengan Pertubuhan Syarikat Perkhidmatan Tenaga Malaysia (MAESCO) serta DMFK Inspiration Sdn Bhd yang akan bekerjasama dalam mengendalikan program latihan eksekutif dan profesional.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui dalam majlis itu berkata, kerjasama yang akan dilaksanakan berfokus kepada pembangunan program pendidikan sepanjang hayat (lifelong learning) melibatkan golongan profesional dan orang awam.

"Kerjasama dengan MAESCO akan menyaksikan UTeM berkongsi kepakaran dalam menyediakan program pembangunan profesional dan eksekutif tenaga hijau dan boleh diperbaharui di Malaysia, menjalankan kajian dan bertindak sebagai pusat rujuk berkaitan tenaga hijau serta pemangkin program dan inisiatif tenaga hijau dan boleh diperbaharui," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Manakala DMFK Inspiration yang ditubuhkan oleh pakar motivasi negara, Dato' Dr. Hj. Mohd Fadzilah Kamsah pula akan bekerjasama dalam menjayakan program pembangunan insaniah dengan penganjuran beberapa siri seminar kepada masyarakat umum.

UTeM diwakili oleh Dr. Ahmad Yusoff manakala MAESCO diwakili oleh Presidennya Ar. Zulkifli Hj Zahari dan DMFK Inspiration diwakili oleh Pengarah dan pengasasnya Dato' Dr. Mohd Fadzilah Kamsah.



# UTeM JAYAKAN SAMBUTAN HARI Ke- KEMERDEKAAN 55

31 Ogos : Sempena sambutan Hari Kemerdekaan Ke-55 peringkat negeri Melaka, UTeM telah menghantar penyertaan dua pasukan terdiri daripada staf dan pelajar yang mengambil bahagian dalam acara perarakan Jalur Gemilang.

Segak bergaya dengan topi dan baju berwarna putih, kontinjen UTeM melintas hormat di hadapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Datuk Seri Utama Mohd. Khalil Yaakob yang juga Canselor UTeM serta dif-dif kehormat. Turut hadir menerima tabik hormat daripada kontinjen UTeM ialah Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Beberapa orang pelajar dan staf yang ditemui merasa teruja kerana inilah pertama kali mereka terlibat menjayakan perarakan Hari Kemerdekaan. Perarakan tersebut yang bermula di Dataran Pahlawan di Banda Hilir kemudiannya bergerak melalui beberapa jalan utama sebelum berakhir di Jalan Hang Tuah.





## UTeM Terima Kemasukan **2,152** Mahasiswa Sesi 2012/2013

**2 September** : UTeM mencatatkan kemasukan seramai 2,152 orang mahasiswa pada hari pendaftaran yang diadakan di Kampus Induk, Durian Tunggal hari ini.

Menurut statistik yang dikeluarkan, daripada jumlah tersebut seramai 1,277 orang pelajar terdiri daripada lelaki manakala baki 875 orang merupakan pelajar perempuan yang bakal mengikuti pengajian peringkat ijazah sarjana muda di tujuh fakulti yang terdapat di universiti ini.

Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan yang ditemui berkata, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) merekodkan kemasukan tertinggi dengan 471 orang pelajar diikuti Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) seramai 391 orang.

Manakala Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) menerima kemasukan 298 pelajar, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) 273 pelajar, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) menerima 268 pelajar, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) 240 pelajar dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) merekodkan 211 pelajar.

"Kemasukan pelajar baru pada tahun ini amat memberangsangkan dan perkembangan tersebut didorong oleh kepercayaan ibu bapa dan masyarakat umum terhadap kemampuan universiti ini dalam menghasilkan graduan berketrampilan dan berkemahiran tinggi yang sentiasa diperlukan oleh pihak industri," katanya.

"Dengan kemasukan bilangan itu, mahasiswa UTeM secara keseluruhan pada ketika ini mencecah angka 10,000 orang dan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan meskipun dikategorikan sebagai universiti muda," kata Dr. Ahmad Yusoff lagi.

Jelas beliau, faktor pengajian secara praktikal dan berfokus dalam bidang kejuruteraan, ICT dan teknologi kejuruteraan merupakan satu daya tarikan kepada pelajar-pelajar tersebut selain kecemerlangan penyelidikan UTeM di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.





**29 Ogos** : Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) memuji hubungan erat yang terjalin di antara Kesatuan Pegawai Am Universiti Teknikal Malaysia Melaka (KEKUTeM) dengan pengurusan universiti itu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Presidennya, Dato' Omar Osman yang menghadiri sambutan hari raya Aidilfitri anjuran Kesatuan Pegawai Am UTeM dan Gabungan Majlis Presiden dan Setiausaha Kehormat Kesatuan Universiti Malaysia (GAKUM) di Kampus Induk UTeM.

Dalam ucapannya, Dato' Omar melahirkan rasa gembira melihat kerjasama erat yang ditunjukkan oleh pengurusan UTeM dengan kesatuan kakitangannya.

"Hubungan harmoni di antara pengurusan UTeM dan kesatuan kakitangannya wajar dijadikan contoh oleh semua kesatuan yang ada di negara ini agar sebarang permasalahan atau perbincangan berkaitan perkhidmatan dapat diselesaikan secara muafakat," kata beliau.

Majlis itu telah dihadiri oleh seramai 500 perwakilan kesatuan kakitangan universiti dari seluruh negara yang bernaung di bawah GAKUM.

Omar yang juga Pengerusi GAKUM menyeru penjawat awam terutamanya yang berkhidmat di IPTA agar menunjukkan keperibadian yang luhur dan berjiwa cemerlang dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan oleh negara.

Sementara itu, Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya melahirkan penghargaan kepada GAKUM serta Kesatuan Pegawai Am UTeM di atas penganjuran sambutan Aidilfitri itu yang berjaya menghimpunkan sejumlah perwakilan kesatuan dari seluruh negara.



## **PRESIDEN CUEPACS** *Puji Hubungan Erat* **Kesatuan Pegawai Am UTeM** *dengan* **Pengurusan Universiti**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



### **Seminar Tingkat Kesedaran** **Keselamatan Kebakaran** **Di Kalangan Staf**

**13 Ogos** : Kesedaran keselamatan dan kebakaran di fakulti-fakulti terus dipertingkatkan di kalangan kakitangan agar sentiasa berada dalam keadaan bersedia menghadapi situasi yang tidak diingini. Terbaru, Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah melangsungkan Seminar Hari Kesedaran Keselamatan Kebakaran yang telah dianjurkan di Kampus Industri Ayer Keroh.

Pengerusi Jawatankuasa, Asri Din berkata, objektif program itu diadakan adalah untuk meningkatkan serta memantapkan lagi kesedaran berkaitan kebakaran serta aspek-aspek keselamatan di tempat kerja dalam kalangan staf. Seminar tersebut dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Nik Ahmad Fikri Nik Ismail selaku Arkitek di Pejabat Pembangunan UTeM. Taklimat beliau berkisar kepada pelan bangunan FTK di Kampus Industri khususnya serta bangunan-bangunan utama lain di sekitar kampus Industri serta Kampus Induk di Durian Tunggal.

Tambah beliau lagi, para peserta turut didedahkan dengan kaedah serta peraturan semasa menjalankan latihan kecemasan atau pengosongan bangunan semasa berdepan dengan situasi kebakaran sebenar.



## UNIVERSITAS INTERNASIONAL BATAM Adakan Lawatan Kerja Ke UTeM

**28 Ogos** : Delegasi Universitas Internasional Batam (UIB) hari ini mengadakan lawatan kerja ke UTeM dalam usaha menyelaraskan hubungan kerjasama di antara kedua-dua universiti.



Delegasi UIB yang diketuai oleh Rektornya, Prof. Dr. Handoko Karjantoro bersama pegawai-pegawai kanan universiti itu telah disambut oleh Pengarah Pejabat Antarabangsa UTeM, Prof. Dr. Nanna Suryana Herman. Mereka kemudiannya mengadakan pertemuan dengan Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) Prof. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin di Bilik Mesyuarat Canselori bagi membincangkan aktiviti kerjasama dua hala dalam bidang kepakaran berkaitan.



Delegasi UIB turut mengadakan perbincangan dengan wakil-wakil fakulti untuk mewujudkan peluang kerjasama dan seterusnya menjalin hubungan strategik dengan pengurusan universiti ini. Terdahulu, delegasi UIB telah diraikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan di pejabatnya. Beliau serta barisan pengurusan universiti kemudiannya turut meluangkan masa meraikan kunjungan UIB dalam satu jamuan yang diadakan. Secara keseluruhan, kedua-dua belah pihak mencapai kata sepakat dalam memantapkan kerjasama pelbagai bidang untuk menjadikan universiti-universiti di rantau ini sebagai platform yang bukan hanya berjaya dalam akademik tetapi menyumbang kepada pembangunan dalam bidang masing-masing.

## UTeM JADI TUMPUAN DELEGASI PAPUA NEW GUINEA

**28 September** : Imej UTeM selaku IPTA teknikal pertama di negara ini sentiasa menjadi tumpuan institusi pengajian tinggi antarabangsa. Hari ini delegasi dari Kementerian Pengajian Tinggi, Sains dan Penyelidikan Papua New Guinea (PNG) telah mengadakan lawatan rasmi ke UTeM bagi meninjau dengan lebih dekat konsep pengajian teknikal yang dipelopori oleh universiti ini.

Delegasi tersebut telah disambut oleh Naib Canselor serta Pegawai-pegawai Kanan dan sesi perbincangan seterusnya diadakan di Bilik Mesyuarat Senat. Pada perbincangan itu, delegasi yang diketuai oleh Menteri Pengajian Tinggi, Sains dan Penyelidikan PNG, David Arore melahirkan minat untuk menjalinkan hubungan strategik dengan UTeM yang menumpukan aspek penyelidikan berteknologi tinggi dalam bidang kejuruteraan, ICT dan pengurusan teknologi di samping kemudahan bertaraf dunia.

Berdasarkan perbincangan tersebut, kedua-dua belah pihak amat positif untuk menjalinkan kerjasama strategik dalam bidang-bidang berpotensi yang dibincangkan itu.



**9 Ogos** : Seramai 100 orang pensyarah UTeM dari pelbagai fakulti mengikuti kursus sehari bertajuk 'Academic Ethics & Integrity' yang disampaikan oleh pakar motivasi terkenal tanahair Dato' Dr. Haji Mohd Fadzilah Kamsah.

Program sehari itu telah diadakan di Dewan Konvensyen Kampus Bandar merupakan anjuran Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) dan Unit Latihan, Pejabat Pendaftar.

Pengarah PPP, Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan dalam satu kenyataannya berkata, objektif utama kursus tersebut diadakan adalah untuk merangsang anjakan paradigma dalam diri pensyarah serta mengenal pasti potensi diri untuk menjadi individu berkaliber.

"Menerusi kursus ini para peserta yang terdiri daripada golongan pensyarah berpeluang menilai kembali sejauh mana tahap integriti yang dimiliki selain daripada menyuntik peningkatan profesionalisme berterusan", kata Dr. Syed Najmuddin.

Mengulas lanjut beliau berkata, kursus itu turut mengupas isu nilai integriti yang menjadi pemangkin dan pra syarat kepada perubahan set minda, nilai dan sikap lebih positif dan berdaya saing.



## Tenaga Akademik UTeM Kuasai Potensi Diri Bersama Dr. Fadzilah Kamsah



## Majlis Jasamu Dikenang



**28 Ogos** : Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar telah menganjurkan Majlis 'Jasamu Dikenang' bagi meraikan pesara Universiti. Majlis istimewa ini berlangsung di Pejabat Naib Canselor diadakan sebagai tanda penghargaan ke atas sumbangan dan perkhidmatan yang telah diberikan oleh staf.

Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan. Tidak ketinggalan Ketua Jabatan pesara, wakil dari Pejabat Pendaftar dan Pengerusi BAKUTE M hadir sama bagi merai staf mereka yang telah dan bakal bersara. Prof. Datuk Naib Canselor tidak melepaskan peluang untuk beramah mesra dengan pesara dan menyampaikan cenderamata dan Sijil Penghargaan sebagai tanda penghargaan di atas sumbangan dan jasa staf selama berkhidmat di Universiti.

Pada kali ini, Universiti meraikan seorang pesara wajib iaitu Pn. Rohani binti Jantan, Pembantu Akauntan Kanan Gred W22 dari Pejabat Bendahari yang telah bersara wajib pada 30 Januari 2012.

Turut diraikan pada majlis tersebut ialah dua orang pesara pilihan iaitu Encik Abu Hassan bin Shamsudin, Pembantu Perpustakaan Kanan Gred S22 dari Perpustakaan yang bersara pilihan pada 31 Ogos 2012 dan Encik Rajendraan A/L Elangsegaran, Pensyarah Gred DS45 dari Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan. Beliau bersara pilihan pada 1 September 2012. Walau bagaimanapun, Pn. Rohani tidak dapat menghadiri majlis berkenaan kerana mengalami keuzuran dan cenderamata serta sijil penghargaan beliau telah diserahkan oleh wakil Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar di kediamannya.

# UTeM Anjur Dua Persidangan Lonjak Pengajian Tinggi Negara



**18 September** : UTeM menerusi Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP) dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) menganjurkan dua persidangan bertaraf antarabangsa iaitu International Conference on Active Learning (ICAL 2012) dan International Conference on Mobile Learning, Applications and Services (Mobilcase 2012)

Menurut Pengarah PPP, Prof. Madya Dr. Syed Najmuddin Syed Hassan berkata, objektif utama penganjuran ICAL 2012 adalah bagi memperhalusi teknik pembelajaran dan pengajaran yang berkesan dan akan dilaksanakan di institusi-intituti pengajian di Malaysia hingga ke peringkat global.

Tambah beliau lagi, persidangan seumpama itu pernah dianjurkan pada tahun lalu di peringkat nasional dan pada tahun ini UTeM mengorak langkah jauh ke hadapan dengan menganjurkan persidangan peringkat antarabangsa pula.

Manakala bagi Dekan FTMK, Prof. Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibudin berkata, Mobilcase 2012 merupakan persidangan antarabangsa pertama dianjurkan di Malaysia di dalam bidang mobile learning.

Walaupun ia merupakan persidangan antarabangsa pertama, sokongan padu daripada Pengerusi Majlis Ketua-Ketua Penyelaras E-Pembelajaran Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (MEIPTA), Prof. Dr. Mohamed Amin Embi di samping pihak KPT dan Mobile Learning Association of Malaysia bakal merealisasikan objektifnya.

Jelas beliau, secara dasarnya pendekatan Mobile Learning ini perlu diberi perhatian oleh semua IPTA di Malaysia kerana maklumat boleh dicapai pada bila-bila masa dengan kemudahan telefon bimbit pintar, tablet dan sebagainya.

"Justeru, penganjuran seminar ini amatlah bertepatan bagi memenuhi keperluan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi memastikan e-Pembelajaran dapat diperkukuhkan menjelang tahun 2013", ujar beliau.



## Majlis Sambutan Eidulfitri 1433H Tonjol Kelainan

**12 September** : Kemeriahan sambutan Eidulfitri masih hangat terasa oleh semua warga universiti yang hadir di majlis sambutan pada tahun ini. Perkarangan Dewan Besar bertukar menjadi syurga makanan apabila sebanyak 22 gerai didirikan bagi menyediakan pelbagai hidangan kepada hadirin.

Kehadiran Pengerusi Lembaga Pengarah UTeM (LPU), Datuk Dr. Ir. Mohd Zaidee bin Laidin yang disambut oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta Pegawai-pegawai Kanan universiti mencerikan suasana sambutan pada tahun ini.

Pengerusi LPU kemudiannya dibawa melawat ke setiap gerai-gerai PTJ sambil menikmati hidangan yang disediakan. Bertemakan 1Malaysia kesemua PTJ yang mengambil bahagian dalam majlis tersebut telah mempamerkan kesungguhan dan kreativiti dari sudut penyediaan masakan mahupun hiasan khemah.

Seperti tahun sebelumnya, pertandingan khemah tercantik diadakan untuk memberi peluang kepada setiap PTJ menunjukkan kreativiti masing-masing. Dapat dilihat dengan jelas setiap PTJ bersungguh-sungguh menghias khemah dengan pelbagai peralatan perhiasan dipasang demi memburu tempat pertama.

Pusat Komputer buat julung kalinya dinobatkan sebagai khemah tercantik melalui hiasan berunsurkan warung kampung lengkap dengan papan permainan dam dan berjaya menghidupkan suasana warung suatu masa dahulu.



## Mahasiswa UTeM Menang Anugerah Inisiatif Paling Inovatif 2012

**11 September** : Idea sekumpulan mahasiswa UTeM yang menghasilkan modul keselamatan kebakaran untuk murid-murid sekolah berjaya memikat juri dalam satu pertandingan yang dianjurkan oleh SIFE Malaysia dan syarikat insurans Chartis.

Modul keselamatan kebakaran yang dihasilkan telah melayakkan peserta dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) merangkul Anugerah Inisiatif Paling Inovatif 2012 dengan membawa pulang wang tunai RM 2,000 beserta piala. Kejayaan itu bertambah manis apabila pasukan itu turut berada di dalam kedudukan enam teratas serta membawa pulang bonus RM 500 dan piala.

Menurut pensyarah FPTT, Isma Addi Jumbri selaku penasihat pasukan itu berkata, anugerah tersebut merupakan satu-satunya penghargaan yang diberikan hasil daripada idea,

keaktiviti dan inovasi oleh pasukan UTeM yang menghasilkan modul bertajuk "A New Emergency Response Plan (ERP) Module on Fire Related Risk Management for Children".

"Modul yang dihasilkan mampu memberi pemahaman berguna kepada murid-murid sekolah dalam menghadapi situasi kebakaran dan elemen tersebut merupakan satu kelebihan kepada pasukan UTeM untuk meraih anugerah ini," jelas Isma. Menurutnya lagi, sebanyak 25 institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan 44 projek telah menyertai pertandingan tersebut. Setelah diadili oleh pakar-pakar daripada pelbagai bidang, pasukan UTeM berjaya melayakkan diri untuk dipilih sebagai enam pasukan terbaik dan menggondol anugerah yang ditawarkan.

Anugerah telah disampaikan oleh Prof. Madya Datin Norlela Nuruddin, Pengarah SIFE Malaysia semasa penganjuran Chartis-SIFE on Risk Management Competition 2012 di Taylor's University baru-baru ini.

اونيورسي تي بي سي كل مليسيا ملاك

## 24 PASUKAN IPT Sahkan Penyertaan Dalam Perlumbaan



**19 September** : Sebanyak 24 buah pasukan telah mengesahkan penyertaan untuk merebut gelaran juara kejohanan Formula Varsity UTeM 2012 yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari bermula 12 hingga 14 Oktober ini.

Menurut Pengarah Program Formula Varsity 2012 merangkap Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Dr. Musthafah Mohd Tahir berkata, penganjuran pada tahun ini merupakan penganjuran buat kali keempat yang mana kali pertamanya pada tahun 2006 seterusnya 2008, 2010 dan muncul kembali pada tahun ini.

Kata beliau, objektif utama penganjuran acara itu bertujuan untuk mencungkil bakat, kepakaran serta kemahiran para pelajar dalam bidang kejuruteraan dari seluruh IPTA dan IPTS dalam negara untuk mereka-bentuk, memasang sebuah jentera lumba dan bertanding secara "formula style".

Jelas beliau, sebanyak 24 buah pasukan dari seluruh IPT dalam Malaysia telah mengesahkan penyertaan mereka dengan mempertaruhkan 34 jentera lumba terhebat buatan masing-masing.

"Antara IPT yang mengambil bahagian pada kejohanan kali ini antaranya ialah UTeM, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Multimedia university (MMU), rangkaian Politeknik, rangkaian Kolej Komuniti, rangkaian Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan rangkaian Institut Kemahiran MARA (IKM)", ujar beliau.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagi kejohanan kali ini kesemua jentera lumba yang mengambil bahagian akan beraksi dan mencipta kepantasan masa terbaru dan ini akan menyerlahkan kehebatan kejuruteraan automotif bagi pasukan yang bertanding.



## Mahasiswa Bertanding Rebut Kerusi Majlis Perwakilan Pelajar

**20 September** : Seramai 25 orang calon bertanding dalam pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi kerusi umum dan fakulti yang berlangsung hari ini.

Menurut Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman berkata, pemilihan yang berlangsung adalah bagi sesi 2012/2013. Seramai 14 calon bertanding di dalam kerusi umum bagi mengisi kekosongan lapan kerusi termasuk kerusi Pusat Pengajian Siswazah (PPS).

"Bagi kawasan fakulti, Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah diisytiharkan menang tanpa bertanding apabila 3 kerusi setiap fakulti tersebut telah dipenuhi," ujar beliau.

Beliau berkata lagi, kerusi Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pula sebanyak 4 pencalonan telah diterima untuk merebut 3 kerusi manakala Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) 3 pencalonan diterima untuk merebut 2 kerusi dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) sebanyak 4 pencalonan diterima untuk merebut 2 kerusi.

Menurut beliau sebanyak 28 kerusi telah dipertandingkan pada pemilihan tersebut dengan catatan pelajar yang keluar mengundi adalah 6,432 dengan peratusan sebanyak 65.10%. Proses pengundian telah berjalan dengan lancar dengan menggunakan kaedah e-voting.



# Kempen Derma Darah

## Capai Matlamat

**6 September** : UTeM dengan kerjasama Unit Tabung Darah Hospital Melaka (HM) telah menganjurkan kempen derma darah selama tiga hari yang berakhir hari ini. Kempen tersebut dianjurkan bersempena musim perayaan untuk menampung keperluan semasa Tabung Darah HM telah diadakan di Pusat Persatuan Pelajar Kampus Induk di Durian Tunggal.

Menurut Pegawai Perubatan HM, Dr. Linda Lim ketika ditemui di lokasi kempen berkata, sambutan yang menggalakkan telah diterima oleh pasukannya sepanjang tiga hari kempen tersebut berlangsung.

"Pada kempen kali ini, Unit Tabung Darah HM berjaya mengumpulkan sebanyak 150 beg darah dan tidak mustahil angka itu mencecah 200 beg menjelang petang nanti berdasarkan sambutan warga universiti yang tidak putus-putus hadir menjayakan kempen hari ini," jelas Dr. Linda.

Angka tersebut jelas Dr. Linda merupakan satu pencapaian yang boleh dibanggakan oleh warga UTeM dalam membantu menambah bekalan darah di HM.

"Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang telah menjayakan kempen selama tiga hari ini dan saya amat berbangga melihat komitmen warga universiti sama ada staf mahupun pelajar," kata Dr. Linda lagi.



Seorang staf UTeM yang ditemui, Ratnasaerah Azis berkata, kempen yang dianjurkan sangat bersesuaian dengan musim perayaan dan beliau terpenggil untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai rakyat Malaysia yang prihatin.

"Menderma darah dengan konsisten merupakan cara saya berbakti kepada masyarakat sekeliling kerana kita tidak tahu betapa pentingnya darah kepada mereka yang memerlukan terutama sekali mangsa kemalangan, pesakit kronik dan sebagainya," jelas Ratnasaerah.

## Produk Penyelidikan Menyerlah di EINIX 2012



**16 September** : UTeM menerusi Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) telah berjaya meraih dua kemenangan sewaktu menyertai Engineering Invention and Innovation Exhibition (EINIX) 2012 anjuran Institution of Engineers Malaysia (IEM) yang telah diadakan di Kuala Lumpur.

Pencapaian cemerlang iaitu tempat kedua dan ketiga secara keseluruhan dengan produk Smart Motorcycle Safety Vest (SMS-V) dan Pico-hydro (SPico) merangkul anugerah sekaligus membawa pulang wang tunai sejumlah RM3, 000 di samping trofi, pingat dan sijil.

Kejayaan ini telah berjaya mengeneipkan 20 produk penyelidikan lain di peringkat akhir yang mana pada peringkat saringan sebelumnya telah mendahului ratusan produk yang disertai oleh institusi pengajian tinggi (IPT) dari seluruh negara. Menurut Mohd Farriz Md Basar selaku penyelidik utama untuk produk SMS-V berkata, produk yang dihasilkan mementingkan kepada penggunaan oleh orang ramai.

"Daripada kadar kemalangan motosikal yang tinggi memberi inspirasi kepada kami untuk menghasilkan produk tersebut. Dari sudut penyelidikan ianya memenuhi spesifikasi dan kreativiti yang diinginkan manakala bagi penggunaan pula ianya amat berguna sekali kerana meningkatkan keselamatan para penunggang motosikal", ujar beliau.

Mengulas lanjut beliau berkata, produk SPico pula berdasarkan faktor alam sekitar dan teknologi hijau yang mana dengan hanya menggunakan air buangan namun berjaya menghasilkan tenaga elektrik yang kurang dari 5kW.



## Mahasiswa UTeM Jalin Hubungan Antarabangsa DENGAN NEGARA CHINA

**28 September** : Bagi memberi pendedahan kepada pelajar untuk merasai sendiri suasana pembelajaran dan peluang menjalin hubungan antarabangsa, seramai 22 orang pemimpin-pemimpin pelajar UTeM telah mengadakan program pertukaran budaya kepimpinan di Beijing, China selama 5 hari baru-baru ini. Mereka merupakan mantan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTeM sesi 2010/2011.

Program ini diketuai oleh Penolong Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) Engr. Prof. Dr. Marizan Sulaiman serta Penolong Pendaftar, Unit Kepimpinan dan Aktiviti Pelajar HEPA Mohd. Yazli Mohamed Rahis.

Menurut Dr. Marizan, selain daripada mewujudkan integrasi antarabangsa, pemimpin pelajar yang menyertai lawatan itu juga dapat melihat kemajuan teknologi yang telah dicapai oleh institusi pengajian di negara China.

Peserta telah dibawa melawat ke Beijing Institute of Technology dan Beijing University of Science & Technology bagi meninjau kemudahan kepada pelajar-pelajar dan seterusnya mengadakan perbincangan bersama pemimpin-pemimpin pelajar di kedua-dua universiti berkenaan.

Mereka turut berkesempatan melawat dan mengadakan perbincangan dengan pihak Kedutaan Besar Malaysia di China. Peserta juga berpeluang melawat Dataran Tianmen, "Forbidden City", Tembok Besar China serta kompleks sukan Olimpik 2008.



## MAJLIS ANUGERAH BAKTI & KEGEMILANGAN PELAJAR

**22 September** : Bagi memberi galakan berterusan kepada golongan siswa di universiti ini maka UTeM telah menganjurkan Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar 2011 yang telah diadakan baru-baru ini bertempat di Pusat Persatuan Pelajar (PPP) Kampus Induk, Durian Tunggal.

Anugerah Pelajar Gemilang UTeM 2011 telah menjadi milik Abdul Rahman Idrus, pelajar tahun 4 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE).

Beliau dipilih kerana telah aktif dan banyak memegang jawatan di dalam Kor Sukarelawan Polis Siswa (SUKIS), Yang DiPertua Badan Dakwah dan Rohani (BADAR) UTeM, Fasilitator Minggu Haluan Siswa, bergiat aktif dalam sukan dan kokurikulum di samping mempamerkan kecemerlangan dalam bidang akademik.

Beliau menerima hadiah wang tunai sebanyak RM300.00 bersama hamper, sijil penghargaan dan hadiah iringan.

Manakala Anugerah Kebudayaan Individu dimenangi oleh Nurfarahana Abdul Aziz dari Kumpulan Orkestra. Anugerah Kemasyarakatan Kategori Kumpulan dimenangi oleh Kelab Penyayang manakala Anugerah Kolej Kediaman Terbaik dimenangi oleh Kolej Kediaman Murni, Bukit Beruang.





# PRAKTIS

## Turun Padang Hulus Bantuan

**16 Ogos** : Bersempena dengan bulan Ramadhan yang mulia Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas (PRAKTIS) UTeM, turut sama menjalankan tanggungjawab sosial dengan melaksanakan 'Program Kebajikan PRAKTIS'.

Presiden PRAKTIS UTeM, Syahira Adnan dalam kenyataannya berkata, antara objektif utama program adalah untuk membantu dan menghuluskan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti pelajar-pelajar sekolah, anak-anak yatim miskin serta keluarga mereka yang memerlukan bantuan menjelang Aidilfitri yang bakal tiba.

"Sekolah yang dipilih untuk program kebajikan PRAKTIS kali ini ialah Sekolah Kebangsaan Tambak Paya, Air Molek. Seramai 60 orang pelajar dari latar belakang berbeza dan kurang bernasib baik telah menerima sumbangan duit raya daripada pihak PRAKTIS".

"Kegembiraan jelas terpancar pada wajah mereka yang menerima sumbangan duit raya dan ini adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial kami mendekati dan membantu mereka yang memerlukan" ujar beliau. Mengulas lanjut beliau berkata, PRAKTIS juga turut mengambil peluang dengan mengadakan kunjungan



dengan misi menghuluskan bantuan sempena Aidilfitri kepada tiga buah keluarga dari kampung yang berbeza pada hari yang sama.

"Antara kriteria dipilih adalah mereka yang terdiri daripada golongan miskin yang tidak mempunyai pendapatan tetap, memiliki anak yang ramai serta mempunyai bebanan tanggungan yang berat," jelas beliau.

Tambah beliau lagi, sumbangan diberikan oleh PRAKTIS UTeM dalam bentuk barangan keperluan harian, makanan, pakaian serta wang tunai dan ini diharap mendatangkan sinar kegembiraan kepada mereka sebagai persiapan menyambut syawal nanti.

## LAWATAN MUHIBBAH UTeM TERUS MENERATKAN HUBUNGAN BERSAMA PIHAK MEDIA

**14 Ogos** : Hubungan erat di antara pihak media dan UTeM diperkukuhkan lagi melalui lawatan muhibbah yang dianjurkan. Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK) telah mengadakan lawatan ke pejabat-pejabat media di sekitar negeri Melaka bagi mendapatkan maklumbalas serta bertukar-tukar pandangan mengenai aktiviti bersama media yang telah dijalankan sepanjang tahun ini.

Lawatan tersebut antara lain untuk menyampaikan ucapan penghargaan kepada warga media yang sentiasa memberi sokongan padu kepada UTeM dalam setiap program yang telah dianjurkan. Di samping itu, UTeM turut menyumbangkan cenderahati istimewa serta kad ucapan sempena menyambut kedatangan Syawal kepada pengamal media sebagai tanda ingatan.

Menurut Pengarah PPKK, Fazidah Ithnin ketika ditemui berkata, hubungan UTeM dengan pihak media khususnya di Melaka amat akrab dan pihak pengurusan universiti sentiasa menghargai segala sumbangan petugas media dalam membuat liputan mengenai kejayaan mahupun majlis yang berlangsung di UTeM. "Justeru, lawatan tersebut menerapkan semangat setiakawan dan meningkatkan lagi kerjasama di antara kedua-dua belah pihak," jelas Fazidah lagi.

Dalam lawatan tersebut, Penolong Pendaftar, Mohd Khairulhusaini selaku wakil kepada Pengarah PPKK telah menyampaikan cenderahati kepada Ketua-ketua Biro dan petugas media.





## Imam Muda Gaza

Kongsi Pengalaman Bersama Jemaah Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM


**3 Ogos** : Ustaz Muhammad Naaji dari Gaza, Palestin hari ini memimpin solat Jumaat di Masjid Sayyidina Abu Bakar, Kampus Induk Durian Tunggal.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pengarah Pusat Islam UTeM, Dr. Radzuan Nordin berkata, Ustaz Muhammad Naaji yang merupakan wakil sekretariat HALUAN Palestin berkongsi perkembangan dan peristiwa terkini yang sedang berlaku di Timur Tengah menerusi satu slot khas sebelum solat Jumaat.

Jelas beliau, pada masa yang sama turut dilancarkan Tabung Bantuan Palestin dengan memberi peluang kepada orang ramai dan jemaah yang hadir untuk menghulurkan sumbangan derma ikhlas bagi membantu saudara Islam di sana.

"Kesempatan ini harus digunakan oleh kita semua untuk mendapatkan pendedahan lanjut dan realiti sebenar yang sedang berlaku di sana dan sama-samalah kita menyemai benih perjuangan dalam diri kita selaku saudara Islam walau hanya dengan sedikit bantuan yang diberikan dari hati yang ikhlas" ujar Dr. Radzuan.

Jumlah kutipan yang diterima pada hari tersebut ialah RM 5,637 dan diserahkan kepada wakil HALUAN Palestin untuk disalurkan kepada mangsa-mangsa kekejaman rejim zionis di Gaza.



اوتنور سبتى تىڤكنيكل مليسيا ملاك  
Tahniah di Atas  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Selamat Pengantin Baru



**SITI NABILAH BT ZULKIFLY**  
(PUSAT PEMBELAJARAN BERTERUSAN)

dan pasangannya

**MOHD HERZAIN BIN TOMIN**

14/09/2022



Tahniah di Atas  
**KELAHIRAN**



Nur Aisyah Amirah Binti Muhamad Asari  
bagi pasangan  
Muhamad Asari Bin Abdul Rahim  
(Fakulti Kejuruteraan Pembuatan)  
& Siti Hajar A'isyah Binti Bidin

Marouane Bin Omar  
bagi pasangan  
Omar Bin Abdul Aziz (Pejabat Pendaftar)  
& Munirah Binti Mustapa



Nu'man Hakim Bin Nor Akramin  
bagi pasangan  
Nor Akramin Bin Mohamad  
(Fakulti Kejuruteraan Pembuatan)  
& Wan Noor Azrina Binti Wan Azhari



**KETUA EDITOR :**



Fazidah Ithnin

**WARTAWAN :**



Mohd Khairulhusaini Mohd Saad



Bob Faizeli Mohamed Din

**REKA BENTUK GRAFIK :**



Aziza Md Buang



Suria Abdul Rahman



Zaffaruddin Hamzah

**JURUFOTO :**



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

**PENGEDARAN :**



Yang Sarinah Mohd Talib



Mohammad Taufik Osman

*'To Be One of the World's Leading Innovative  
and Creative Technical Universities'*



**Always A Pioneer,  
Always Ahead**

## Universiti Teknikal Malaysia Melaka

As a Focus University, UTeM boasts strengths in technical fields – namely Engineering, IT, and Management Technology. UTeM has cemented a reputation of being a source of high-quality engineering graduates with the capability of meeting the requirements of high-tech industries. UTeM also has research competencies in areas that it has identified as being key to enhancing the University's unique proposition and also contributes to the nation such as Green Technology, Systems Engineering, Human-Technology Interaction, and Emerging Technology.

UTeM admits not only local but also international students and this includes students from Indonesia, Saudi Arabia, Chad, Syria, Pakistan, Cameroon, Bangladesh, Tanzania, India, Somalia, Singapore, Qatar, Palestine, Libya, Iraq, Iran, Ghana, France, Yemen, Nigeria and Jordan.



Organised by



Supported by



# UTeM FORMULA VARSITY™

SAE International MIMC MELAKA 2012

Participants



12-14 October 2012

Melaka International Motorsports Circuit  
Ayer Keroh, Melaka